

# Masih ramai lengah perancangan kewangan untuk bersara

Mei 15, 2023 @ 1:20pm



Penyelesaian persaraan Maybank menawarkan fleksibiliti untuk menyesuaikan perancangan mengikut keperluan yang berubah-ubah - Foto hiasan

KUALA LUMPUR: Ramai rakyat Malaysia yang melengahkan perancangan kewangan untuk persaraan kerana mungkin beranggapan mempunyai banyak masa untuk melakukannya dan memberi keutamaan kepada aspek lain atau mengeluarkan simpanan persaraan.

Mengulas budaya menyimpan dalam kalangan rakyat Malaysia, Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Asset Management Sdn Bhd (MAM Malaysia), Ahmed Muzni Mohamed, berkata kurangnya perancangan untuk jangka panjang telah menyebabkan banyak individu tidak bersedia dari segi kewangan semasa persaraan dan mungkin sudah lewat untuk menyediakan atau menambah simpanan mereka.

"Dengan peningkatan kos sara hidup dan inflasi, adalah wajar untuk mula menyediakan wang simpanan seawal yang mungkin. Penyelesaian persaraan kami boleh menjadi tambahan kepada simpanan persaraan individu tanpa menjejaskan gaya hidup mereka pada masa ini.

"Penyelesaian persaraan kami adalah fleksibel kepada pelabur berdasarkan kepada matlamat persaraan mereka. Sekiranya pelabur perlu menggunakan simpanan persaraan, mereka boleh mengeluarkannya tanpa dikenakan caj penalti," katanya kepada Bernama .

DISYORKAN UNTUK ANDA

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 2m [Media Prima rai kakitangan dalam sambutan Aidilfitri](#)
- 4m [Roy King-Su Yin cipta kejutan mara final](#)
- 4m [Eversendai dapat sembilan projek baharu RM1.1 bilion](#)
- 9m [Tabung Kasih@HAWANA bantu wartawan veteran, bekas pengamal media](#)
- 13m ['Usah malukan diri, persatuan'](#)
- 17m [Kenaikan OPR sejak setahun lalu dijangka jejas permintaan rumah](#)
- 18m [Perluasan pemberian diesel bersubsidi hanya untungkan majikan, bukan pemandu lori](#)
- 21m [Pelajar saman guru untuk beri kesedaran](#)



Berita terkini setiap pagi  
Dapatkan Berita Pilihan  
Berita Harian dalam e-mel anda




Dengan melanggan, anda bersetuju dengan [Terma Penggunaan](#) dan [Polisi Privasi](#)

Daftar Sekarang



- Maybank Asset Management sasar urus aset RM100 bilion
- Al Rajhi, Nomura tingkat pelaburan Syariah
- The Rise Fund TPG beli pegangan majoriti dalam APU
- Public Mutual umum pengagihan kasar 11 dana
- AHB agih pendapatan interim 2.50 sen seunit
- ARIM sasar aset di bawah pengurusan naik 20 peratus
- Pasaran modal Malaysia kekal mantap, terurus - SC
- Dana endowmen boleh bantu golongan rentan selesa bersara

Selain itu, beliau berkata penyelesaian persaraan Maybank bukan sahaja meningkatkan simpanan persaraan individu, malah menawarkan fleksibiliti untuk menyesuaikan perancangan mengikut keperluan mereka yang berubah-ubah.





Tiga produk di bawah Penyelesaian Persaraan Fleksibel Maybank atau Maybank Flexible Retirement Solution (MFRS) mencapai aset di bawah pengurusan (AUM) melepasi RM375 juta sehingga 31 Mac 2023/



Ahmed Muzni berkata, Maybank Global Wealth Growth-I Fund mencatat AUM bernilai RM82.85 juta, Maybank Global Wealth Moderate-I Fund sebanyak RM180.53 juta, manakala Maybank Global Wealth Conservative-I Fund berjumlah RM111.37 juta.

Menurutnya, jumlah saiz dana bagi Global Wealth Moderate-I Fund dan Maybank Global Wealth Growth-I Fund mencapai lebih RM260 juta sehingga akhir Disember 2022.

"Berdasarkan data berkenaan, kesemua dana telah mencatatkan kadar pengambilan yang positif dengan Maybank Global Wealth Moderate-I Fund telah mendahului," katanyasambil memaklumkan Maybank Asset



## TRENDING



**NASIONAL** 21 minit yang lepas  
**Pelajar saman guru untuk beri kesedaran**



**NASIONAL** sejam yang lepas  
**Flat kos rendah di Johor bagi reban ayam - Sultan Johor**



**NASIONAL** 3 jam yang lepas  
**Tiada lagi subsidi elektrik untuk rumah orang kaya**



**NASIONAL** 5 jam yang lepas  
**Ibu didakwa lakukan amang seksual terhadap 2 anak lelaki**

## DISYORKAN



**EROPAH** Mei 14, 2023 @ 10:52pm  
**Pengundian di Turkiye ditutup, Erdogan hadapi tentangan sengit**

Management Group turut menyasarkan mengakhiri tahun ini dengan AUM bernilai RM35.8 bilion.

Beliau berkata, Maybank telah menawarkan beberapa produk untuk membantu rakyat Malaysia menyimpan dan melabur secara lebih baik untuk persaraan mereka.

Sehubungan itu, mereka mempunyai pilihan untuk memilih dana yang ditawarkan di bawah MFRS yang bersesuaian dengan matlamat keperluan dan persaraan masing-masing, katanya.

Ahmed Muzni berkata, Maybank Global Wealth Growth-I Fund mempunyai lebih banyak pendedahan kepada ekuiti global dan pendedahan yang rendah terhadap sukuk global.

"Sehubungan itu, dana ini sesuai kepada pelabur yang inginkan prospek pertumbuhan lebih tinggi agar setara dengan risiko tinggi yang diambil bagi portfolio persaraan mereka. Ini termasuk pelabur muda yang mungkin baru memulakan kerjaya atau mereka yang mempunyai komitmen minimum," katanya.

Bagi Global Wealth Moderate-I Fund, Ahmed Muzni berkata dana ini lebih terdedah kepada sukuk global berbanding ekuiti global dan disediakan untuk pelabur yang memerlukan bayaran pendapatan tahunan antara 2.0 peratus hingga 2.5 peratus setahun.

Menurutnya, dana ini lebih sesuai kepada pelabur yang mempunyai minat risiko rendah dan memerlukan pembayaran tetap, selain peningkatan modal jangka panjang.

"Pelabur yang berkeluarga atau dalam pertengahan kerjaya menuju persaraan boleh mempertimbangkan pelaburan dalam dana ini, terutamanya jika mereka mempunyai komitmen tinggi dan tidak mahu mengambil banyak risiko," katanya.

Dana terbaharu iaitu Maybank Global Wealth Conservative-I Fund yang dilancarkan pada 13 Februari 2023 direka untuk pelabur yang mempunyai minat risiko rendah dengan pembayaran pendapatan lebih tinggi.

Beliau berkata, dana ini mempunyai ciri penyahkumpulan, dengan sebahagian daripada modal pelaburan mereka akan dikeluarkan sebagai antara bayaran pendapatan suku tahunan berjumlah 7.0 peratus setahun.

Dari segi peruntukan aset, dana baharu ini akan mempunyai lebih banyak pendedahan kepada sukuk berbanding portfolio Pertumbuhan dan Sederhana, kata Ahmed Muzni.

"Bagaimanapun, kesemua dana di bawah MFRS dilengkapi dengan strategi pemuliharaan modal, yang mana strategi pelaburan, pemilihan saham dan peruntukan aset, ditentukan untuk mengekalkan pelaburan awal pelabur supaya mereka bersedia untuk menghadapi umur persaraan," katanya.

-BERNAMA

## VIDEO BERKAITAN



**KES** Mei 14, 2023 @ 11:24pm

**Remaja maut motosikal terbabas**



**LAIN-LAIN (SUKAN)**

Mei 14, 2023 @ 10:33pm

**Thor kembali temui sentuhan emas**



**NASIONAL** Mei 14, 2023 @ 11:15pm

**LHDN perlu tepis campur tangan luar, terus kutip cukai**



**BOLA** Mei 14, 2023 @ 11:15pm

**Negeri Sembilan kembali temui rentak kemenangan**

## OHBULAN



**RUMAH TERBUKA** 3 jam yang lepas

**Anna Jobling Tunai Janji Buat Rumah Terbuka Buat Peminat Di Indonesia**



**SYAFIQ KYLE** 3 jam yang lepas

**Nama Fabian Loo Sudah Dikenali, Banyak Dipanggil Pergi Uji Bakat**



**PERNIAGAAN** 4 jam yang lepas

**'Solat Dan Sedekah Pada Waktu Pagi Adalah Kuncinya' – Amir Raja Lawak Kongsi...**



**TINGGALKAN ANAK KEMBAR**

4 jam yang lepas

**Netizen Berang Dakwa Mak Ayah Beraya Sakan, Tinggalkan Anak Kembar Kepanasan...**



**PASANGAN KEKASIH** 4 jam yang lepas

**Bagi Alasan Nak Ambil Air Kerana Tiada Bekalan Air, Pasangan Kekasih Ditangkap...**

## SIRAPLIMAU



**TURUNKAN SUHU BADAN**

28 minit yang lepas

**Hanya Guna Sebesen Air Dan 11 Teknik Ini Untuk Sejukkan Rumah Yang Panas...**



**TAHI UDANG** 2 jam yang lepas

**Cara Buang Tahi Udang Tanpa Perlu Kupas Kulit, Berdesup Dah Siap!**



**CARA DIY BUBSYBOARD** 4 jam yang lepas

**Cara Paling Mudah DIY Busyboard Untuk Anak, Tak Payah Beli Mahal-Mahal**



**TIPS MEMILIH CAT RUMAH**

4 jam yang lepas

**Tips Memilih Cat Dinding Rumah, Pilih Yang Betul-Betul Elok, Biar Warna Cat...**



**PETUA HALBA** 5 jam yang lepas